

### AMANAH YANG BERBANGKIT DI BAWAH SEKSYEN 23 AKTA UNDANG-UNDANG SIVIL 1956\*

Seksyen 23 Akta Undang-Undang Sipil 1956 (Disemak 1972),<sup>1</sup> yang pada dasarnya menyerupai seksyen 11 Akta Harta Wanita Bersuami 1882 Inggeris,<sup>2</sup> memperuntukkan seperti berikut:<sup>3</sup>

- (1) Sesuatu polisi insuran yang dimasuki oleh mana-mana orang di atas nyawanya sendiri dan dinyatakan untuk faedah isterinya atau anak-anaknya atau isteri dan anak-anaknya atau sesiapa daripada mereka, atau oleh mana-mana wanita di atas nyawanya sendiri dan dinyatakan untuk faedah suaminya atau anak-anaknya atau untuk suami dan anak-anaknya atau sesiapa daripada mereka, hendaklah membentuk amanah bagi munafaat objek yang dinamakan itu, dan wang yang harus dibayar di bawah mana-mana polisi tersebut hendaklah tidak, selagi mana-mana objek amanah tinggal tak terlaksana menjadi sebahagian daripada pesaka pemegang insuran atau dijadikan tertakluk kepada hutang-hutangnya.
- (2) Jika dibuktikan yang polisi itu dimasuki dan premium dibayar dengan niat untuk memperdayakan sipiutang pemegang insuran, mereka hendaklah berhak untuk mendapat daripada wang yang harus dibayar di bawah polisi itu sejumlah wang sama banyaknya dengan premium yang telah dibayar.
- (3) Pemegang insuran boleh dengan polisi itu atau dengan mana-mana memorandum yang ditandatangani olehnya melantik seorang pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah untuk wang yang harus dibayar di bawah polisi itu, dan dari masa ke semasa melantik seorang pemegang amanah baru atau pemegang-pemegang amanah baru, dan boleh membuat peruntukan bagi perlantikan pemegang amanah baru atau pemegang-pemegang amanah baru itu dan membuat peruntukan bagi pelaburan wang yang harus dibayar di bawah mana-mana polisi tersebut.
- (4) Tiadanya mana-mana perlantikan pemegang amanah yang sedemikian itu maka polisi tersebut selepas sahaja ianya dimasuki hendaklah terletak hak kepada pemegang insuran atau wakil peribadi undang-undangnya dalam amanah bagi tujuan yang disebutkan itu.
- (5) Jika ketika kematian pemegang insuran atau pada bila-bila masa selepasnya telah tiada pemegang amanah, atau adalah perlu dilantik pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah baru, maka seorang pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah atau seorang pemegang amanah baru

\*Kedua-dua penulis makalah ini ingin merekodkan terima kasih mereka kepada Datuk Profesor Ahmad Ibrahim di atas galakan dan nasihat beliau dalam penulisan makalah ini.

<sup>1</sup>Selepas daripada ini dirujuk sebagai AUS 1956.

<sup>2</sup>Selepas daripada ini dirujuk sebagai AHWB 1882.

<sup>3</sup>Yang berikut adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

atau pemegang-pemegang amanah baru bolehlah dilantik oleh Mahkamah Tinggi.

- (6) Resit pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah yang dilantik, atau sekiranya tiadanya perlantikan yang sedemikian itu atau tiadanya notis kepada pejabat insuran, maka resit wakil peribadi undang-undang pemegang insuran itu hendaklah menjadi pelepasan bagi pejabat itu bagi wang yang dijamin oleh polisi itu atau bagi nilainya bagi keseluruhannya atau sebahagian daripadanya.

Kesan seksyen 23 ada tiga lapis. *Pertama*, ia membentuk amanah polisi nyawa (selepas daripada ini dirujuk sebagai "amanah seksyen 23") bagi munafaat suami atau isteri dan anak-anak pemegang insuran nyawa atau sesiapa daripada mereka, dalam keadaan di mana, pada *biasanya*, tiada amanah akan wujud. Pemegang amanah tetap terus menjadi pemunya sah polisi itu tetapi amanah dibentuk bagi munafaat objek yang dinamakan di dalamnya. *Keduanya*, ia memberi perlindungan istimewa kepada waris-waris berkenaan dengan peruntukan bahawa polisi itu tidak akan menjadi aset yang boleh dituntut sebagai hutang oleh sipiutang simati. Jadi biarpun pemegang amanah mati muflis waris-waris tidak akan dinafikan hasil-hasil polisi itu. *Ketiganya*, seksyen itu memperuntukkan dengan khasnya bagi perlantikan pemegang-pemegang amanah bagi amanah yang mungkin bangkit sebagai akibat dari penguatkuasaannya.

#### Perkara Pokok Amanah

Amanah berstatut yang dibentuk oleh seksyen 23 AUS 1956 dan seksyen 11 AHWB 1882 melibatkan "polisi insuran", suatu istilah yang tidak ditafsirkan oleh Akta itu. Adalah nyata bagaimanapun yang polisi itu hendaklah satu insuran di atas nyawa pembuat amanah. Oleh yang demikian, semua bentuk polisi nyawa yang melindungi nyawa pembuat amanah boleh dijadikan perkara pokok amanah seksyen 23, termasuk insuran kemalangan diri yang, antara lain, memperuntukkan bagi sejumlah wang harus dibayar kerana kematian oleh sebab kemalangan. Dalam *Re Gladitz*<sup>4</sup> satu polisi yang dimasuki oleh Gladitz memperuntukkan liputan di atas kematian atau kecacatannya oleh sebab kemalangan. Polisi itu menyatakan bahawa semua tuntutan yang berbangkit di bawah polisi itu hendaklah dibayar kepada isterinya. Hakim Bennet memutuskan bahawa polisi itu terjatuh di dalam makna perkataan-perkataan seksyen II AHWB 1882 iaitu "polisi insuran yang dimasuki oleh mana-mana orang di atas nyawanya sendiri."

#### Niat Untuk Membentuk Amanah

Seksyen ini menyatakan bahawa satu amanah adalah terbentuk jika polisi insuran di atas nyawa seseorang adalah "dinyatakan untuk faedah bagi" waris-waris yang ditentukan. Skop sebenar perkataan "dinyatakan untuk

<sup>4</sup>[1973] Ch. 558; [1937] 3 All E.R. 173.

faedah bagi” masih belum ditafsirkan oleh mahkamah.<sup>5</sup> Adalah menjadi pandangan *McGillivray dan Parkington*<sup>6</sup> bahawa:

- (a) Tiada bentuk perkataan yang tertentu diperlukan untuk membentuk amanah berstatut di bawah seksyen 23 dan apa-apa tanda yang isteri, suami atau anak-anak berhak untuk mendapat faedah polisi itu akan membuatkan amanah berstatut itu berkuatkuasa.
- (b) Sama ada atau tidak pemegang insuran meniatkan peruntukan seksyen itu (seksyen II AHWB 1882 atau seksyen 23 AUS 1956) adalah tidak relevan.

Sekali lagi, adalah tidak penting yang seksyen atau statut itu dirujuk dalam polisi atau memorandum dan sebagainya untuk membentuk amanah berstatut. Adalah disarankan bahawa dengan menamakan suami atau isteri dan anak atau seorang atau lebih daripada mereka sebagai orang atau orang-orang yang berhak untuk menerima hasil dari polisi atau menyerahkan hak polisi itu kepada seorang atau lebih daripada mereka adalah mencukupi untuk membangkitkan seksyen itu kerana perbuatan menamakan atau menyerahkan itu adalah menunjukkan bahawa polisi itu hendaklah dipegang bagi faedah orang atau orang-orang itu. Tiga kes Malaysia yang telah diputuskan mengenai seksyen 23 AUS 1972, *Re Man bin Mihat, Simati*,<sup>7</sup> *Re Bahadun bin Haji Hassan, Simati*<sup>8</sup> dan *Re Kathiravelu, Simati*,<sup>9</sup> semua nampaknya mengambil pandangan bahawa tiada perkataan khas diperlukan.

#### Waris-waris Amanah itu

Bagi membangkitkan amanah itu, polisi tersebut mestilah, dalam kes di mana pembuat amanah adalah lelaki menyatakan dengan jelas yang ianya bagi munafaat isterinya atau anak-anaknya atau sesiapa daripada mereka. Dalam kes dimana pembuat amanah itu adalah wanita ia mestilah dinyatakan dengan jelas yang ianya bagi munafaat suaminya atau anaknya, atau suaminya dan anak-anaknya, atau sesiapa daripada mereka. AUS 1972 itu tidak menaksirkan perkataan “anak-anak.” Di Malaysia, (tidak seperti di England)<sup>10</sup> adalah amat mungkin yang perkataan “anak” itu merujuk kepada anak sah dan tidak termasuk anak-anak taksahataraf. Di Malaysia anak angkat adalah juga termasuk dengan syarat mereka dijadikan anak angkat di bawah Akta Anak Angkat 1952<sup>11</sup>

<sup>5</sup>Beberapa kes-kes yang berkaitan dengan perkara ini ialah *Cleaver Iwn. Mutual Reserve Fund Life Association* [1892] 1 Q.B. 147, *Re Fleetwoods' Policy* [1926] Ch. 48, *Re Gladitz* [1937] Ch. 588 dan *Brown Iwn. Brown Weston* [1949] P. 91.

<sup>6</sup>*MacGillivray and Parkington on Insurance Law* (Edisi ke 7), m.s. 605.

<sup>7</sup>[1965] 2 M.L.J. 1.

<sup>8</sup>[1974] 1 M.L.J. 14.

<sup>9</sup>[1973] 2 M.L.J. 165.

<sup>10</sup>Mengenai kedudukan di segi undang-undang Inggeris lihat *Colinvaux, Law of Insurance* (Edisi ke 4), m.s. 343.

<sup>11</sup>Lihat seksyen 9(3).

Sekiranya waris itu disebutkan dia terus mendapat kepentingan yang terletak hak. Jika waris yang dinamakan itu mati sebelum kematian pemegang insuran, kepentingan waris itu akan berpindah kepada pusakanya. Dalam *Cousins* lwn. *Sun Life Assurance Society*,<sup>12</sup> seorang suami memasuki polisi di bawah seksyen 11 AHWB 1882 untuk faedah isterinya, L. L. mati semasa hayatnya. Suisuami memohon untuk menamatkan polisi itu. Adalah diputuskan yang siisteri itu telah mendapat satu kepentingan terletak hak dari masa dia dinamakan dan di atas kematiannya, kepentingannya berpindah kepada wakil peribadi undang-undangnya. Bagaimanapun kaedah dalam kes *Cousin* boleh di atasi dengan menambah perkataan-perkataan yang sesuai di dalam polisi itu bahawa kepentingan waris-waris yang dinamakan akan luput jika dia mati sebelum pemegang insuran. Menghadkan kepentingan waris-waris dengan cara sedemikian tidak menghalang amanah seksyen 23 dari berbangkit.<sup>13</sup>

Waris yang tidak dinamakan hanya mendapat kepentingan yang kontingen.<sup>14</sup> Jadi, di mana polisi itu dipegang untuk faedah isterinya dan anak yang tidak dinamakan, hanya mereka yang hidup pada masa kematian pembuat amanah akan mendapat faedah. Kedudukan suami atau isteri pula memerlukan beberapa huraian. Untuk menghuraikan keadaan itu kita boleh mengambil kes seorang lelaki yang memberi faedah polisi atas nyawanya kepada isterinya. Jika isteri itu dinamakan, dia (siisteri) mendapat kepentingan yang terletak hak seperti dalam kes *Cousin*<sup>15</sup> di atas tadi dan kematian terdahulunya tidak menamatkan kepentingannya. Jika siisteri itu tidak dinamakan dan polisi itu hanya menyatakan untuk dipegang "bagi faedah isteri saya," kematian terdahulunya atau perceraian pada lazimnya akan menamatkan kepentingannya. Soalan yang timbul adalah mengenai sama ada kepentingan isteri yang dinamakan itu tamat pada masa perceraian. Melainkan polisi itu mengandungi perkataan yang bertentangan, tercerainya isteri yang dinamakan tidak akan dengan sendirinya membatalkan kepentingannya.<sup>16</sup> Di England, mahkamah mempunyai kuasa di bawah seksyen 24(1)(c), Matrimonial Causes Act 1973 untuk mengubah waad-waad termasuk waad yang dibuat di bawah seksyen 11 AHWB 1882.<sup>17</sup> Kemungkinan besar mahkamah Malaysia mempunyai kuasa yang serupa di bawah seksyen 76(3) Akta Pembaharuan (Perkahwinan dan Perceraian) 1974.

Tidak perlu dikatakan yang amanah berstatut hanya berbangkit jika penama atau penama-penama adalah suami/isteri dan anak-anak pemegang insuran nyawa atau mana-mana daripada mereka. Jika amanah

<sup>12</sup>[1933] 1 Ch. 126; (1932) All E.R. 404.

<sup>13</sup>Lihat m.s. 205 makalah ini.

<sup>14</sup>Lihat Colivaux, *op. cit.*, n. 5, m.s. 432.

<sup>15</sup>*Op. cit.*

<sup>16</sup>Lihat MacGillivray and Parkington, *op. cit.*, n. 4, m.s. 618.

<sup>17</sup>Untuk perbincangan yang lebih menyeluruh lihat Colivaux, *op. cit.*, n. 5, 343.

polisi insuran diniatkan untuk orang-orang lain seksyen 23 tidak boleh digunakan dan pembuat wasiat mestilah menyatakan niatnya untuk tujuan tersebut dengan perkataan yang terang. Sama ada niat seperti itu boleh dinyatakan adalah bergantung kepada fakta setiap kes. Dalam sebuah kes terbaru, *Kishabai lwn. Jaikishan*,<sup>18</sup> seorang yang bernama Tikamdas memasuki polisi nyawa atas nyawanya dengan Great Eastern Life Assurance Co. Ltd. Polisi itu dicateterakan seperti berikut:

"Polisi ini dimasuki di bawah seksyen 23 Ordinan Undang-undang Sivil, 1956 Persekutuan Tanah Melayu dan Pemegang-pemegang Amanah atau pemegang amanah pada tempoh masa ini hendaklah memegang polisi ini dengan semua wang yang diinsurankan di sini atau harus dibayar di bawah ini dalam amanah untuk Jaikishan Rewachand, anak saudara pemegang insuran."

Tiga tahun kemudiannya Tikamdas membuat sebuah wasiat memberi seluruh pusakanya (termasuk polisi tersebut di atas) kepada anak perempuannya. Kira-kira setahun selepas kejadian ini dia telah menyerahkan semula faedah polisi Great Eastern Life yang tersebut di atas kepada dirinya sendiri dan kemudiannya kepada anak perempuannya dengan cara serahan yang mutlak. Soalan bagi mahkamah ialah sama ada anak saudaranya atau anak perempuannya yang berhak terhadap polisi itu. Hakim B.T.H. Lee memutuskan bahawa seksyen 23 AUS 1956 tidak terpakai dalam kes ini kerana penama bukan suami/isteri atau seorang anak. Hakim yang arif itu walau bagaimanapun memutuskan bahawa satu amanah nyata biasa (yang tiada kaitan dengan seksyen 23) telah dibentuk bagi munafaat anak saudara itu oleh kerana catetera yang dirujuk di atas. Catetera itu menunjukkan satu niat yang terang di pihak Tikamdas untuk membentuk amanah bagi munafaat yang dituntut, walaupun seksyen 23 telah disilap rujuk.

#### **Kepentingan-kepentingan Yang Terhad dan Pilihan-pilihan**

Adalah tidak penting bahawa untuk memberi kesan kepada amanah seksyen 23, waris-waris harus diberi kepentingan yang mutlak dalam polisi itu. Dengan memasukkan perkataan yang sesuai pembuat wasiat boleh menghadkan kepentingan waris-waris itu atau dia boleh merezabkan beberapa hak untuk dirinya. Contohnya, kepentingan waris mungkin tertakluk kepada sama ada dia masih hidup pada masa kematian pemegang insuran. Dalam *Re Ioakimidis' Policy Trust*<sup>19</sup> seorang suami memasuki suatu polisi di atas nyawanya untuk faedah isterinya hanya sekiranya dia mati sebelum 28hb. Mei 1938 meninggalkan isteri yang masih hidup. Sisuami itu mati dalam tahun 1924 dan sipiutang-sipiutang menuntut hasil polisi itu dengan mengatakan bahawa oleh sebab had tersebut tiada amanah telah dibentuk untuk siisteri. Diputuskan bahawa biarpun fasal itu

<sup>18</sup>[1981] 2 M.L.J. 289.

<sup>19</sup>[1925] Ch. 403.

merupakan penghad, polisi itu termasuk dalam makna seksyen 11 AHWB 1882.

*Re Ioakimidis' Policy Trust* dipakai dalam kes Malaysia, *Re Man bin Mihat, Simati*<sup>20</sup> Man telah memasuki satu polisi insuran bagi jumlah \$40,000 di atas nyawanya. Menurut syarat polisi itu, syarikat insuran bersetuju membayar jumlah yang diinsurankan kepadanya pada masa tamatnya dua puluh lima tahun dari permulaan polisi itu, atau sekiranya Man mati terdahulu daripada itu, kepada mana-mana waris yang dinamakan olehnya. Man telah menamakan isterinya, Chik, sebagai warisnya. Man meninggal dunia lebih kurang tiga tahun sesudah polisi itu diperolehi. Hakim Suffian (seperti mana beliau ketika itu) menyatakan<sup>21</sup> bahawa walaupun jumlah wang yang diinsurankan harus dibayar kepada Man bin Mihat jika dia masih hidup selepas 25 tahun namun demikian polisi tersebut adalah suatu polisi dalam makna seksyen 23.

Kadang-kadang polisi-polisi mungkin memberi pemegang polisi pilihan-pilihan tertentu contohnya suatu pilihan untuk meminjam di bawah polisi itu atau suatu pilihan untuk menyerahkannya.<sup>22</sup> Adalah jelas bahawa pilihan seperti itu kepada pemegang insuran tidak menghalang amanah seksyen 23 daripada bangkit tetapi undang-undang kes menunjukkan bahawa jika pemegang insuran membuat pilihan-pilihan itu dia harus berbuat sedemikian untuk faedah orang atau orang-orang bagi siapa amanah itu telah dibentuk. *Re Fleetwood's Policy*<sup>23</sup> adalah kes yang menerangkan pendapat ini. Seorang suami mengambil insuran di atas nyawanya. Polisi itu memperuntukkan yang jika isterinya masih hidup semasa kematiannya jumlah yang diinsurankan haruslah dibayar kepada isteri itu. Sekiranya siisteri mati sebelum itu jumlah itu hendaklah dibayar kepada wasi atau pentadbir pusaka atau penyerah sisuami. Polisi itu juga memperuntukkan bahawa jika sisuami masih hidup setelah tamatnya tempoh dua puluh lima tahun dia mempunyai hak untuk membuat mana-mana daripada enam-pilihan yang disenaraikan dalam polisi. Salah satu daripada pilihan itu ialah untuk menamatkan polisi itu dan menerima nilai wang tunainya bersama-sama keuntungannya. Sisuami dan siisteri, walaupun telah berpisah, masih hidup pada masa tamatnya tempoh dua puluh lima tahun itu. Sisuami memilih untuk membuat pilihannya untuk menerima nilai wang tunai dan keuntungan, sejumlah £288. Syarikat insuran telah enggan membayar wang itu kecuali dengan adanya penerimaan bersama oleh sisuami dan siisteri. Penerimaan sedemikian tidak dapat dilakukan dan akhirnya pihak insuran membayar £288 kepada mahkamah. Hakim Tomlin memutuskan bahawa polisi itu termasuk dalam seksyen 11 AHWB 1882, dan bahawa ia membentuk satu amanah bagi siisteri dengan syarat suaminya mati lebih

<sup>20</sup>[1965] 2 M.L.J. 1.

<sup>21</sup>*Ibid.*, di m.s. 2.

<sup>22</sup>Lihat *Re Kathiravelu, Simati* [1973] 2 M.L.J. 165

<sup>23</sup>[1926] Ch. 48.

dahulu daripada dia. Hakim Tomlin mengikut keputusan Hakim Swinfen Eady dalam *Re Equitable Life Assurance Society of the United States and Mitchell*<sup>24</sup> yang telah memutuskan bahawa pilihan di bawah satu polisi seksyen 11 AHWB 1882 hanya boleh dibuat bagi faedah orang-orang yang kepada siapa amanah itu dibentuk. Hakim Tomlin mengatakan,<sup>25</sup>

“Pada pandangan saya wujudnya kuasa dalam polisi itu yang mungkin atau mungkin tidak dipunyai oleh pemegang insuran untuk dijalankan terhadap siwaris, tidak membolehkan saya menafsir polisi itu sebagai suatu polisi yang, berhubung dengan pilihan-pilihan ini, memberi pemegang insuran hak untuk menghapuskan hak-hak waris-waris.

Mungkin sekiranya dia telah melaksanakan kewajibannya dengan sepenuhnya, dia telah membuat pilihan yang diberi kepadanya dengan memilih untuk menjadikan polisi itu ditukarkan kepada insuran yang terbayar yang harus dibayar pada masa kematiannya; tetapi dia tidak berbuat demikian. Akibatnya, saya fikir tiada siapa daripada pihak-pihak pada hari ini berhak atas wang itu. Wang itu mesti disimpan di mahkamah dan dikumpulkan hingga salah satu daripada pihak-pihak mencapai apa-apa persetujuan atau salah satu daripada mereka mati.”<sup>26</sup>

Ada kalanya sesuatu polisi boleh merezabkan bagi pembuat wasiat hak untuk membatalkan perlantikan seorang waris dan sebaliknya menggantikannya dengan nama lain. Dalam kes Singapura *Re Yeo Hock Hoe's Policy*<sup>27</sup> seorang suami memasuki satu polisi di atas nyawanya bagi faedah isterinya. Polisi itu merezabkan kepada sisuami, “hak tanpa persetujuan waris-waris untuk membatalkan perlantikan waris-waris dan untuk menggantikannya dengan nama sendiri atau mana-mana lain dan juga tanpa persetujuan sedemikian untuk menerima setiap faedah, menjalankan setiap hak dan menikmati setiap keistimewaan yang diberi kepada pemegang insuran oleh polisi yang sedemikian.” Sisuami mati muflis dan siisteri menuntut hasil dari polisi itu. Hakim Deane memutuskan bahawa amanah di bawah satu peruntukan di bawah Ordinan Negeri-Negeri Selat yang sama rupa dengan seksyen 23 tidak berbangkit. Hakim yang arif itu berkata bahawa untuk membuat sesuatu pemberian yang sah, pemberian itu hendaklah disempurnakan dan mutlak. Badan perundangan dalam menggubal seksyen itu telah menyerahkan bulat-bulat kepada seseorang pilihan untuk membuat sesuatu pemberian kepada isteri atau tidak. Ia tidak mempedulikan jumlah atau lain-lainnya. Apa yang dibuat olehnya ialah mengatakan, anda membuat suatu pemberian dan kami akan menentukan yang ianya dilindungi. Dalam kes ini sisuami belum lagi membuat

<sup>24</sup>(1911) 27 T.L.R. 213.

<sup>25</sup>*Op. cit.*, n. 13, di m.s. 55.

<sup>26</sup>Di atas adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

<sup>27</sup>[1938] M.L.J. 33. Kes ini diputuskan dalam tahun 1925 tetapi hanya dilaporkan dalam tahun 1938. Lihat Myint Soe, *The Insurance Law of Singapore and Malaysia, Cases and Materials*, m.s. 106.



pemberian kepada isterinya. Harta itu masih berada di dalam genggaman-nya dan dia dengan itu merezabkan hak untuk mendapat setiap faedah daripada harta itu.

Hakim Deane mengatakan<sup>28</sup>

“Dengan kata-kata lain dia sesungguhnya mempunyai dalam tangannya kawalan sepenuhnya di atas wang polisi tersebut dan tidak pernah berpisah dengan hak untuk melepaskan harta-harta itu. Dia mati, pada hakikatnya dengan memilih hak yang sangat berharga, hak untuk melepaskan wang polisi, dan hak yang sedemikian, pada pendapat saya mesti berpindah kepada wakil peribadinya untuk faedah-faedah sipiutang.”<sup>29</sup>

*Re Yeo Hock Hoes Policy* diputuskan dalam tahun 1925. Dalam tahun 1937 Hakim Terrell, dihadapkan dengan keadaan yang serupa dalam sebuah lagi kes Singapura *Re Choong Chak Choon*.<sup>30</sup> Simati telah menamakan isterinya dan dua orang anaknya sebagai waris-waris polisi di atas nyawanya. Polisi itu mengandungi satu peruntukan yang pemegang insuran “boleh pada bila-bila masa dengan cara bertulis yang ditandatangani olehnya dan disampaikan ke Ibu Pejabat Syarikat itu di Singapura membatalkan perlantikan waris yang dinamakan di bawah dan melantik waris yang lain dengan atau tanpa merezabkan hak pembatalan atau perlantikan baru.” Persoalannya di hadapan mahkamah ialah sama ada terdapat amanah yang sah di bawah peruntukan statut yang serupa dengan seksyen 23 bagi munafaat siisteri dan anak-anak itu. Hakim Terrell enggan mengikut *Re Yeo Hock Hoe's Policy* dan memutuskan ada amanah yang sah. Hakim yang arif itu telah membezakan kes *Re Yeo Hock Hoe's Policy*. Katanya pemegang insuran dalam kes itu tidak pernah melepaskan kepentingannya. Dalam kes di hadapan mahkamah pemegang insuran telah membuat satu pemberian tertakluk kepada satu hak yang tidak pernah digunakan olehnya iaitu hak untuk membatalkan pemberian itu. Hakim Terrell berkata,<sup>31</sup>

“Harus disebut juga bahawa tiada nas yang dirujuk dalam keputusan Hakim Deane dan adalah mungkin yang laporan dalam *Re Ioakimidis' Policy Trusts* (1925) 2 Ch. 403 yang diputuskan pada awal tahun tersebut belum lagi didapati di tanah jajahan ini. Lagipun dalam kes-kes *In Re Fleetwoods' Policy* (1926) 2 Ch. 46 dan kes *Cousins v. Sun Life Assurance Society* (1933) 1 Ch. 126 dalam mana telah diputuskan yang seksyen 11 Akta Harta Wanita-wanita Bersuami 1882 terpakai walaupun kepentingan di bawah polisi itu kontigen, belum lagi diputuskan. Adalah juga terang daripada keputusan Hakim Bennett, dalam kes terbaru *Re Gladitz* (1927) 2 All E.R. 173 yang kecenderungan di England ialah

<sup>28</sup>*Ibid.*, di m.s. 34.

<sup>29</sup>Di atas adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

<sup>30</sup>[1937] M.L.J. 258.

<sup>31</sup>*Ibid.*, di m.s. 260.



untuk memberi tafsiran yang luas kepada seksyen 11 Akta Harta Wanita-Wanita Bersuami. . .<sup>32</sup>

Meskipun terdapat percubaan Hakim Terrell bagi membezakan *Re Yeo Hock Hoe's Policy* adalah disarankan bahawa tiada perbezaan yang penting di antara kedua kes. Dan oleh sebab pada umumnya, pembuat amanah boleh merezabkan dalam surat ikatan amanah hak untuk membatalkan amanah,<sup>33</sup> nampaknya tiada sebab untuk menafikan hak-hak tersebut kepada amanah di bawah seksyen 23. Dengan itu adalah disarankan bahawa Hakim Deane telah tersilap dalam memutuskan bahawa tidak ada amanah dalam kes *Re Yoe Hock Hoe's Policy*.

#### Amanah Seksyen 23 dan Undang-Undang Bankrapsi

Polisi yang terlampir dengan amanah seksyen 23 menikmati perlindungan istimewa dari siputang pembuat wasiat. Kalau pun siputang boleh membuktikan bahawa polisi itu dimasuki dan premium yang dibayar adalah untuk memperdayakan mereka, hak mereka hanyalah untuk menerima daripada wang yang harus dibayar di bawah polisi sejumlah wang yang sama banyak dengan premium yang telah dibayar.<sup>34</sup> Oleh yang demikian adalah nyata yang tujuan seksyen itu ialah untuk melindungi kepentingan balu dan anak-anak pemegang insuran yang telah meninggal dunia yang telah membuat amanah bagi faedah mereka berikutan daripada peruntukan itu.<sup>35</sup> Hakim Deane dalam kes *Re Yeo Hock Hoe's Policy*<sup>36</sup> menyatakan<sup>37</sup>

“Dalam kata-kata lain, badan perundangan yang melihat dengan simpati apa usaha seseorang itu untuk membuat peruntukan bagi isteri dan keluarga selepas kematiannya, telah memperuntukkan bahawa seseorang boleh menginsurankan nyawanya pada bila-bila masa bagi faedah mereka dan mana-mana wang yang harus dibayar di bawah polisi itu tidak boleh digunakan untuk membayar hutangnya, tetapi hendaklah dipegang di bawah amanah untuk keluarganya. Dan selagi dasar perlindungan itu dilaksanakan biarpun dapat dibuktikan yang polisi itu diambil dan premium dibayar dengan niat untuk memperdaya siputang pemegang insuran, kenyataan itu tidak akan memusnahkan amanah, tetapi siputang akan hanya berhak untuk menerima daripada wang yang harus dibayar di bawah polisi itu, jumlah yang sebenarnya yang telah dibayar sebagai premium.”<sup>38</sup>

<sup>32</sup>Di atas adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

<sup>33</sup>Lihat *Snell's Principles of Equity* (Edisi ke 27), m.s. 126 dan *Kishabai lwn. Jaikishan* [1981] 2 M.L.J. 289 di m.s. 291.

<sup>34</sup>Lihat seksyen 23(2) AUS 1956.

<sup>35</sup>Lihat kata-kata Hakim B. T. H. Lee dalam kes *Kishabai lwn. Jaikishan* [1981] 2 M.L.J. 289 di m.s. 290.

<sup>36</sup>*Op. cit.*, n. 16.

<sup>37</sup>*Ibid.*, di m.s. 34.

<sup>38</sup>Di atas adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

Pendekatan perundangan kepada amanah seksyen 23 boleh dihargai jika seseorang memandang kepada sikap ketat undang-undang bankrapsi terhadap waad dan pemberian yang dibuat oleh seseorang sebelum bankrap-sinya. Berikutan dengan seksyen 52(1) Akta Bankrapsi 1967 waad sukarela harta yang dibuat oleh seorang mufliis sebelum kebankrapannya adalah (tertakluk kepada beberapa kecualian tertentu) dengan mutlaknya batal jika dia menjadi bankrap sebelum tempoh dua tahun dari tarikh waad itu. Di mana simufliis menjadi bankrap tetapi dalam tempoh lima tahun dari tarikh waad itu, waad itu masih tetap batal melainkan pihak-pihak yang menuntut di bawah waad tersebut boleh membuktikan yang pembuat waad boleh membayar semua hutang-hutangnya tanpa bantuan harta-harta yang terkandung dalam waad itu, dan bahawa kepentingan pembuat waad dalam harta-harta tersebut telah berpindah kepada pemegang amanah waad tersebut pada tarikh pelaksanaan waad itu.<sup>39</sup> Seksyen 52(1) Akta Bankrapsi 1967 terpakai kepada waad polisi-polisi insuran<sup>40</sup> melainkan polisi itu termasuk di bawah seksyen 23 AUS 1956. Jadi polisi-polisi seksyen 23 menikmati perlindungan istimewa pada masa kebankrapsian pemegang insuran nyawa.

#### Amanah Seksyen 23 dan Undang-Undang Islam

Sebagai kaedah am Undang-Undang Islam tidak mengenakan sekatan ke atas pemberian *inter vivos* (semasa hayat) oleh seseorang Islam semasa hidupnya dan beliau menikmati kebebasan untuk memberi harta-hartanya kepada saudara mara atau kepada orang-orang asing. Kedudukan adalah sebaliknya pula di dalam hal pemberian di bawah wasiat.

Kebebasan pembuat wasiat dihadkan oleh dua kaedah utama, iaitu:

- (a) Pemberian berwasiat adalah batal jika ia bertujuan untuk melupuskan lebih dari sepertiga pusaka simati jika ia mempunyai waris, dan
- (b) Pemberian berwasiat adalah batal jika ia bertujuan untuk memberi faedah kepada mana-mana waris pembuat wasiat melebihi bahagian yang ditetapkan untuknya oleh undang-undang pembahagian pusaka Islam.

Kaedah kedua memerlukan beberapa penerangan. Undang-undang Islam meletakkan dengan jelas dan berhati-hati di dalam Kitab Suci Al-Quran bahagian-bahagian waris seorang Islam yang telah meninggal dunia. Jadi, bila seorang Islam ada meninggalkan seorang balu, seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan, bahagian siisteri itu ialah 3/24, sianak lelaki 14/24 dan sianak perempuan 7/24. Pembuat wasiat tidak boleh dengan pemberian berwasiat menambahkan bahagian-bahagian tersebut kecuali di mana waris-waris lain mengizinkan pemberian itu selepas kematiannya.

<sup>39</sup>Mengenai kedudukan di segi undang-undang Inggeris lihat Houseman, *Law of Life Assurance* (Edisi ke 9), m.s. 235.

<sup>40</sup>Lihat *Williams & Muir Hunter on Bankruptcy* (Edisi ke 19), m.s. 342.

Dalam *Siti binti Yatim v. Mohd. Nor bin Buyai*<sup>41</sup> pembuat wasiat meninggalkan hampir seluruh pusakanya kepada anak lelakinya dan mengeneipkan yang menuntut, balunya. Dalam *Amanullah bin Haji Hassan v. Hajjah Jamilah binte Sheikh Madar*,<sup>42</sup> simati mewasiatkan seluruh pusakanya kepada anak lelaki walaupun dia mempunyai waris-warisi lain. Dalam kedua-dua kes pemberian yang berkenaan diputuskan sebagai batal.

Kedudukan di mana seorang pemegang insuran yang beragama Islam menamakan isteri dan anak-anaknya untuk menerima hasil dari polisi nyawa dibincangkan dalam dua kes Mahkamah Tinggi *Re Man bin Mihat, Simati*<sup>43</sup> dan *Re Bahadun, Simati*<sup>44</sup> Dalam kedua-dua kes tersebut telah dihujahkan di mahkamah bahawa penamaan-penamaan yang sedemikian adalah tidak sah kerana dengan memberinya penguatkuasaan undang-undang akan bermakna membenarkan simati melanggar undang-undang pembahagian pusaka Islam.

Dalam kes *Man*<sup>45</sup> Hakim Suffian (sepertimana beliau ketika itu) memutuskan yang penamaan itu telah mewujudkan amanah di bawah seksyen 23 bagi munafaat siisteri. Hakim yang arif itu memutuskan sedemikian meskipun seksyen 25 Ordinan Undang-undang Sivil 1956 yang memperuntukkan:

“Tiada apa-apa dalam Bahagian ini akan menyentuh pengurusan apa-apa harta menurut Undang-Undang Islam.”<sup>45</sup>

Seksyen-seksyen 23 dan 25 termasuk dalam Bahagian VII Ordinan Undang-Undang Sivil 1956 (sekarang Akta Undang-undang Sivil). Beliau berpendapat yang siisteri itu tidak dilucutkan hak untuk mengambil hasil polisi sebagai waris amanah. Hakim yang arif itu berkata<sup>46</sup>

“Undang-undang Islam dengan ketatnya menentukan bahagian setiap waris dan tiada perubahan mengenai bahagian-bahagian ini boleh dibuat dengan wasiat, kerana pemberian kepada seorang waris memerlukan keizinan semua waris-warisi bersama dan pemberian kepada orang asing tidak boleh melibatkan lebih dari 1/3 pusaka pembuat wasiat, tetapi tidak ada sekatan lain selain daripada dua had-had itu. Jadi adalah sah bagi seseorang Islam untuk mengubah bahagian

<sup>41</sup>(1928) 6 F.M.S.L.R.. 135.

<sup>42</sup>[1975] 1 M.L.J. 30.

<sup>43</sup>*op. cit.*, n. 20.

<sup>44</sup>[1974] 1 M.L.J. 14.

<sup>44e</sup>Untuk fakta-fakta kes ini lihat m.s. 206 makalah ini.

<sup>45</sup>Apabila Ordinan Undang-Undang Sivil 1956 disemak dan digubal semula sebagai Akta Undang-undang Sivil 1956 s. 25 dipinda supaya berbunyi, “Tiada apa-apa dalam Bahagian ini akan menyentuh pengurusan apa-apa harta menurut Undang-undang Islam atau di Sabah dan Sarawak undang-undang dan adat Bumiputra.”

<sup>46</sup>*Op cit.*, n. 20, di m.s. 3.

yang ditetapkan bagi waris-warisnya itu dengan memberikan secara langsung semasa hayatnya sebahagian atau seluruh hartanya kepada isteri yang dikasihi, sama ada secara langsung sebagai pemberian *inter vivos* atau secara tak langsung melalui pemegang amanah. Jika tiada bantahan di segi undang-undang bagi seorang Islam untuk mengubah dengan sendiri bahagian warisnya semasa hayatnya dengan membuat pemberian melalui pemegang-pemegang amanah kepada isteri yang dikasihi, pada pandangan saya seharusnya juga tiada bantahan pada prinsipnya kepada sahnya pemberian yang serupa yang tidak dibuat olehnya tetapi oleh statut.

Sesungguhnya adalah lazim bagi seorang Islam membeli tanah untuk anaknya yang masih remaja dan mendaftarkan dirinya di rekod Pejabat Tanah sebagai pemegang amanah, walaupun kesannya akan menambahkan bahagian harta yang diterima oleh anak-anak itu selepas kematiannya. Semasa hayatnya tanah itu adalah harta amanah dan kematiannya tidak mengubah sifat harta itu, kerana selepas daripada itu tanah tersebut tetap terus menjadi harta amanah dan pentadbir pusakanya memegang tanah itu untuk tujuan-tujuan amanah. Pada pendapat saya amanah berstatut yang dibentuk untuk faedah siisteri dalam kes ini juga mengekalkan sifatnya sebagai amanah selepas kematiannya dan selagi mana-mana objek amanah itu tinggal tak terlaksana, amanah itu tidak boleh diketepikan dan boleh, jika perlu, dikuatkuasakan oleh balu itu.<sup>47</sup>

*Re Man bin Mihah, Simati* dipakai dalam *Re Bahadun bin Haji Hassan, Simati*.<sup>48</sup> Hakim Abdul Hamid (sepertimana beliau ketika itu) berkata dalam kes itu:<sup>49</sup>

“Di atas nas *Re Man bin Mihah, Simati, supra*, saya juga berpendapat bahawa tiada apa-apa dalam Undang-undang Islam yang menghalang simati daripada membuat pemberian yang sedemikian semasa hidupnya berhubung dengan wang polisi kepada responden semasa kematiannya.”<sup>50</sup>

Ringkasan hujjah-hujjah Hakim Suffian dalam *Re Man b. Mihah* adalah seperti berikut: Undang-undang Islam tidak melarang seorang Islam daripada membuat pemberian *inter vivos* dan dengan itu mengubah bahagian yang boleh diterima oleh waris yang ditentukan oleh Quran pada masa kematian. Dengan itu seharusnya juga tidak ada bantahan terhadap pemberian *inter vivos* yang dibuat, bukan olehnya tetapi oleh statut (iaitu seksyen 23). Adalah agak lazim bagi pembuat amanah Islam membeli tanah untuk anak-anak remajanya dengan tanah itu terdaftar di bawah namanya sebagai pemegang amanah. Pemberian sedemikian menambahkan bahagian pusaka anak-anak simati bila simati meninggal dunia. Jika amanah-amanah sedemikian boleh diiktiraf mengapa amanah di bawah seksyen 23 tidak?

<sup>47</sup>Di atas adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

<sup>48</sup>*Op. cit.*, n. 44.

<sup>49</sup>*Ibid.*, di m.s. 14.

<sup>50</sup>Di atas adalah terjemahan kami dari bahasa Inggeris.

Asas hujjah Hakim Suffian adalah bahawa seksyen 23 terpakai kepada pembuat amanah Islam. Ada sarjana-sarjana undang-undang Islam berpendapat bahawa kesan seksyen 25 Ordinan Undang-undang Sivil 1956 (sekarang seksyen 25 Akta Undang-Undang Sivil 1956) (Disemak 1972) adalah untuk melarang penamaan yang dibuat oleh orang Islam di bawah polisi-polisi insuran daripada akibat kesan seksyen 23. Adakah ini niat badan perundangan menggubal seksyen 25? Rujukan ringkas kepada sejarah bukanlah tidak berguna. Enakmen Undang-Undang Sivil (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu) 1937 tidak mempunyai peruntukan yang serupa dengan seksyen 23 atau seksyen 25. Tetapi dalam seksyen 7 dan 7A telah terdapat sekatan terhadap pengumpulan (accumulations). Seksyen 7B seterusnya memperuntukkan bahawa peruntukan mengenai pengumpulan tersebut 'tidak akan menyentuh pengurusan apa-apa harta menurut undang-undang Islam'. Di Negeri-Negeri Selat, seksyen 73 Ordinan Pemindahan Hakmilik dan Undang-Undang Harta (Bab 42) mengandungi suatu seksyen yang sama rupanya dengan seksyen 23. Ia tidak mengandungi seksyen yang serupa dengan seksyen 25.

Dalam tahun 1956 bila Ordinan Undang-Undang Sivil 1956 digubal untuk menggantikan Enakmen Negeri-Negeri Bersekutu, Ordinan Undang-Undang Sivil Negeri-Negeri Selat dan juga seksyen 73 Ordinan Pemindahan Hakmilik dan Undang-Undang Harta Negeri-Negeri Selat, statut baru itu telah diperuntukkan dengan seksyen 23 dan seksyen 25 dalam bentuk yang dinyatakan pada awal tadi. Tidak ragu-ragu lagi seksyen 25 adalah diilhamkan oleh seksyen 7B Enakmen Undang-undang Sivil Negeri-negeri Bersekutu yang tersebut di atas. Persidangan di Majlis Perundangan Persekutuan yang meluluskan Ordinan Sivil 1956 tidak memberi apa-apa panduan langsung mengenai sebab-sebab seksyen 23 dan seksyen 25 digubal.<sup>51</sup>

Seksyen 25 Ordinan Undang-Undang Sivil 1956 itu berbunyi:-

"Tiada apa-apa dalam Bahagian ini akan menyentuh pengurusan apa-apa harta menurut Undang-Undang Islam"<sup>52</sup>

Adalah tepat untuk dikatakan bahawa (seperti Hakim Suffian sendiri akui dalam kes *Man*)<sup>53</sup> perkataan 'Bahagian' di sini merujuk kepada seluruh Bahagian VII, termasuk seksyen 23. 'Pengurusan apa-apa harta' termasuk pembentukan amanah sama ada dibangkit oleh seksyen 23 atau tidak. Sekiranya adalah menjadi niat perundangan yang seksyen 25 tidak menyentuh seksyen 23, kenapakah perkataan yang jelas seperti, "Bahagian VII (tidak termasuk seksyen 23)" tidak dimasukkan? Begitu juga boleh diujjahkan bahawa oleh sebab adalah sangat nyata yang badan perundangan di dalam penggubal seksyen 7B Enakmen Undang-Undang Sivil tidak mahu

<sup>51</sup>Persidangan Majlis Persekutuan, 15hb. Mac 1956, m.s. 1059.

<sup>52</sup>Lihat n. 45.

<sup>53</sup>*Op. cit.* n. 19 m.s.

peruntukan statut mengenai pengumpulan dipakai kepada pengurusan harta Islam,<sup>54</sup> dan oleh kerana seksyen 25 diilhamkan oleh seksyen 7B, terdapat tanda yang kuat yang badan perundangan tidak mahu seksyen 23 merangkumi urusan-urusan orang Islam bersabit dengan polisi-polisi insuran.

Kedua-dua kes *Re Man b. Mihaat, Simati* dan *Re Bahadun, Simati* adalah keputusan Mahkamah Tinggi. Sama ada Mahkamah Persekutuan akan mengambil satu pendirian yang lain akan dilihat nanti.<sup>55</sup> Sekiranya diputuskan pada suatu ketika nanti yang seksyen 23 tidak terpakai kepada urusan-urusan orang Islam bersabit dengan insuran polisinya, ia tidak bermakna yang seorang Islam tidak boleh membuat amanah nyata *inter vivos* (iaitu dengan perkataan-perkataan yang jelas) terhadap polisinya dan dengan itu mengasingkan polisi itu daripada pusaka yang boleh dibahagikan. Nampaknya, berikutan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan seorang Islam boleh membuat amanah nyata *inter vivos* terhadap hartanya jika niat untuk membuat amanah itu adalah jelas.<sup>56</sup> Tidak terpakainya seksyen 23 hanya akan menghalang amanah khas yang diwujudkan oleh seksyen itu daripada timbul.

Beberapa perkembangan telah berlaku sejak kes-kes *Man* dan *Bahadun*. Padas 9hb Oktober 1973 Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah mengeluarkan suatu fatwa mengenai warisan dan wasiat.<sup>57</sup> Menurut fatwa itu penama-penama wang Kumpulan Simpanan Pekerja, Wang Simpanan Pejabat Pos, Bank, Insuran dan Syarikat Kerjasama adalah sebagai orang-orang yang melaksanakan wasiat simati atau wasi. Mereka boleh menerima wang simati dari sumber-sumber tersebut untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang berhak menurut pembahagian faraid. Jika fatwa ini berkuatkuasa seorang suami, isteri atau anak simati yang dinamakan dalam insuran nyawanya sebagai orang yang berhak mendapat polisi itu tidak dapat menggunakan seksyen 23 AUS 1956. Dia akan menjadi pemegang amanah bagi harta tersebut untuk dibahagikan kepada waris-waris yang ditentukan oleh Quran.

Hal-hal yang berhubung dengan Ugama Islam dan Adat Melayu adalah salah satu daripada perkara-perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.<sup>57a</sup> Oleh yang demikian hanya kerajaan negeri boleh membuat peruntukan berhubung dengan perkara-perkara tersebut. Majlis kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam ditubuhkan untuk menolong menyelaraskan

<sup>54</sup>Hakim Persekutuan Salleh Abbas (sepertimana beliau ketika itu) dalam kes *Dato Bentara Luar, Simati* [1982] 2 M.L.J. 4 (satu kes wakaf) menyatakan bahawa tujuan s. 7B digubal adalah untuk melindungi ugama Islam dan adat Melayu. Kerana itulah pengurusan harta mengikut Undang-Undang Islam dikecualikan daripada kesan s. 7 dan 7A.

<sup>55</sup>Dalam konteks ini lihat dua keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai wakaf, *Haji Embong bin Ibrahim lwn. Tengku Nik Maimunah* [1980] 1 M.L.J. 285 dan *Re Dato Bentara Luar, Simati* [1982] 2 M.L.J. 264.

<sup>56</sup>*Wan Naimah lwn. Wan Mohamed Nawawi* [1974] 1 M.L.J. 41.

<sup>57</sup>[1974] 1 M.L.J. x.

<sup>57a</sup>Perlembagaan Malaysia, Jadual Kesembilan, senarai dua.

pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri-Negeri di Malaysia. Fungsinya ialah hanya untuk menasihatkan kerajaan-kerajaan negeri dalam hal-hal Ugama Islam. Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam ini tidak mempunyai kesan-kesan di segi undang-undang melainkan kerajaan-kerajaan negeri memberi kuatkuasa kepada fatwa itu dengan memasukkannya dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam negeri masing-masing. Hingga kini hanya kerajaan Negeri Melaka telah meminda Enakmennya berhubung dengan perkara ini dengan memasukkannya fatwa ini dalam seksyen 133A.<sup>58</sup>

Pada bulan Mei 1983 seorang Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah dilaporkan oleh sebuah surat khabar tempatan<sup>59</sup> sebagai mengatakan bahawa undang-undang baru akan digubal untuk menentukan mengenai wang seseorang simati beragama Islam dalam tabung-tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (K.W.S.P.), Bank Simpanan Nasional, Amanah Saham Nasional dan Tabung Haji dibahagikan mengikut faraid dan bukan mengikut penamaan seperti sekarang. Sama ada undang-undang baru itu akan menjadi satu Akta Persekutuan atau satu pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Ugama Islam negeri tidak diketahui. Juga sama ada undang-undang itu akan melibatkan insuran nyawa belum diketahui setakat ini.

Pada masa ini adalah amat sukar untuk menasihatkan seseorang Islam tentang pemakaian amanah seksyen 23 terhadap dirinya. Adalah menjadi harapan kami, keraguan yang wujud sekarang akan diselesaikan dengan secepat mungkin.

P. Balan\* dan  
Ahilemah Joned\*\*

\*Profesor Madya

\*\*Pensyarah

Fakulti Undang-Undang,  
Universiti Malaya.

<sup>58</sup>Enakmen (Pindaan) Pentadbiran Undang-Undang Islam 1974.

<sup>59</sup>*The Malay Mail*, 21hb. Mei 1983.



